

PM: Jadikan bekas Pengerusi PNB sebagai inspirasi

UM 25 DEC

KUALA LUMPUR 24 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta generasi muda Malaysia menjadikan bekas Pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB), Allahyarham Tun Ismail Mohamed Ali sebagai inspirasi agar negara terus bebas dan tidak dikongkong oleh kuasa besar.

Perdana Menteri berkata, ini kerana langkah Allahyarham menguasai ilmu pengurusan kewangan membuatkan sistem kewangan negara telah diuruskan oleh seorang pakar kewangan bumiputera yang cekap serta dihormati oleh orang luar.

Katanya, dengan ilmu itu Allahyarham yang juga Gabenor pertama Bank Negara telah membuat satu usaha bagi menaikkan taraf kehidupan bumiputera atas pemilikan saham amanah melalui penubuhan PNB.

"Saga berharap generasi muda akan hargai usaha Allahyarham ini dan meniadakan Tun Ismail sebagai idola bagaimana seorang bumiputera dapat menguasai ilmu pengurusan kewangan yang dianggap oleh sesetengah pihak tidak dimiliki oleh bumiputera.

"Semasa hayatnya, Allahyarham diberi penghormatan sebagai pakar kewangan oleh orang luar dan sering diminta nasihat mengenai

pengurusan kewangan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Galeri PNB yang dinamakan Galeri Tun Ismail Mohamed Ali sempena memperingati pengerusi pertama PNB sejak agensi itu ditubuhkan pada 17 Mac 1978, di sini hari ini.

Dr. Mahathir ketika berucap pada majlis itu, kelihatan sebak apabila beliau mengimbas kembali sumbangan Allahyarham yang banyak kepada penglibatan bumiputera dalam bidang perniagaan melalui PNB.

Turut hadir pada majlis itu ialah isterinya, Datin Seri Dr. Siti kasmah Mohamed Ah, Pengerusi PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Hamad Kama Piah.

Terdahulu, dalam ucapannya Ahmad Sarji berkata, galeri itu merupakan 'galeri hidup' dengan bahan pameran di situ akan ditukar setiap enam bulan.

Katanya, galeri yang terletak di Plaza PNB itu sebahagian besarnya memamerkan foto-foto dan koleksi peribadi Allahyarham Tun Ismail, yang kebanyakannya belum pernah disiarkan oleh media atau dilihat oleh masyarakat umum.

Galeri itu turut mempa-

merkan foto-foto berkaitan latar belakang PNB dan pengumuman agenda tahunan negara, iaitu Minggu Saham Amanah Malaysia.

Beliau berkata, galeri tersebut turut memamerkan lukisan daripada pelukis berbakat negara bagi mengentengahkan karya dan bakat mereka.

"Kita harap melalui usaha PNB ini, sedikit sebanyak akan memberi peluang kepada para pelukis memamerkan hasil seni mereka dengan tujuan untuk memartabatkan hasil seni lukis negara," katanya.

Dalam pada itu, Ahmad Sarji turut mengumumkan penubuhan Yayasan Tun Ismail yang berperanan membantu para pelajar untuk melanjutkan pelajaran dalam pelbagai bidang di universiti terkenal di United Kingdom seperti Universiti Cambridge.

"Yayasan ini ditubuhkan atas semangat Allahyarham yang tidak jemu-jemu meningkatkan taraf kehidupan golongan bumiputera melalui pelbagai usaha dan cara seperti program keusahawanan dan pemilikan saham," tambahnya.